

LATIHAN 2

Isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang betul.

1. Dia menerima surat itu _____ emaknya yang tinggal di kampung.
2. Bola itu disepak _____ penjuru padang.
3. Madu diperoleh _____ lebah.
4. Afrina baru pulang _____ sekolah kerana dia mempunyai latihan bola jaring.
5. Encik Ismail menerima kiriman wang _____ anaknya.
6. Pegawai itu bekerja _____ jam 7:00 pagi hingga 7:00 petang.
7. Dia baru pulang _____ padang setelah bermain bola bersama-sama rakannya.
8. Ammar bekerja di syarikat itu _____ tahun lepas.
9. Dia menerima sebuah hamper _____ Ah Chong sempena hari raya.
10. Kasut itu diperbuat _____ kulit buaya.